



## KAEDAH PUJIAN DAN PENGHARGAAN DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN BAGI KANAK-KANAK PRA SEKOLAH

### [PRAISE AND APPRECIATION METHOD IN LEARNING AL-QURAN FOR PRE-SCHOOL CHILDREN]

MOHD ZULKARNAIN ABD HAMID & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Pusat Kajian Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\* Corresponding Author: isa\_hamzah@ukm.edu.my

---

Received: 29 May 2021

Accepted: 8 June 2021

Published: 26 June 2021

---

**Abstrak:** Kertas penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji kaedah pujian dan penghargaan dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak pra sekolah. Dari dapatan kajian-kajian lepas mendapati teori pujian dan penghargaan dalam pendidikan sangat memberi motivasi dan rangsangan kepada perlakuan kanak-kanak. Pujian merupakan perkara yang disukai oleh setiap orang. Dalam pembelajaran al-Quran kaedah pujian dan penghargaan seperti memberi kata-kata positif apabila murid dapat menguasai ayat atau huruf atau memberi hadiah, memberi tepukan selepas murid membaca dengan betul juga merupakan tindakan pujian yang secara tidak langsung memberi semangat dan galakan kepada pelajar. Kajian ini juga untuk mengenal pasti dan memperincikan konsep dan amalan aktiviti pembelajaran al-Quran dari sudut pemberian pujian dan ganjaran kepada kanak-kanak sebagai pengukuhan dalam aktiviti pembelajaran. Dapatan ini akan dijadikan sebagai perkongsian bersama kepada golongan pendidik untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan pengajaran al-Quran dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia secara umumnya dan pra sekolah amnya.

**Kata Kunci:** Kaedah pembelajaran al-Quran; kanak-kanak; pujian; penghargaan

**Abstract:** This research paper aims to examine the method of praise and appreciation in learning Quran for preschool children. From the findings of previous studies, theory of praise and appreciation in education is very motivating and stimulating to children's behavior. Praise is something that everyone loves. In Quran learning, giving positive words when students can master a verse or letter, giving gifts and giving applause after students read correctly are examples of praising that indirectly gives encouragement to them. This study is also to identify and analyse the concept and practice of Quranic learning activities in terms of giving praise and rewards to children as reinforcement in learning it. These findings will be used by educators for improvement in the implementation of the teaching of the Qur'an in the context of the education system in Malaysia specifically in pre-school.

**Keywords:** Quran learning methods; children; praise; appreciation.

**Cite This Article:**

Mohd Zulkarnain Abd Hamid & Mohd Isa Hamzah. 2021. Kaedah pujian dan penghargaan dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak pra sekolah [Praise and appreciation method in learning al-Quran for pre-school children]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 109-117.

## PENGENALAN

Al-Quran merupakan kalam Allah dan mukjizat teragung Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi panduan umat Islam selagi mereka berpegang teguh dengannya. Al-Quran diturunkan dengan laras bahasa yang unik dan kaya dengan unsur metafora, ritma, aliterasi, asonasi dan sebagainya (Hafiz Badarulzaman, 2017). Menurutnya lagi perkara ini yang menyebabkan pujangga dan masyarakat arab jahiliah menjadi hairan dan takjub. Al-Quran wajib dipelajari sedari kecil. Ibnu Khaldun dalam kitabnya *al-Muqaddimah* mengatakan, didikan dan pelajaran al-Quran kepada anak-anak merupakan salah satu bentuk syiar agama yang dilakukan oleh orang ibu bapa (Kurniawan, 2017).

Kanak-kanak perlu didedahkan dengan asas bahasa Arab dengan belajar mengaji semenjak dari peringkat kecil supaya mereka tidak ketinggalan dalam menguasai huruf-huruf al-Quran. Menurut Hamidin & Hamdi (2016) Kanak-kanak pada usia empat hingga enam tahun yang telah diperkenalkan dengan pembelajaran bahasa amat cenderung untuk mempunyai tahap penguasaan ilmu yang tinggi bukan sahaja bahasa Arab malahan juga ilmu-ilmu lain (Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016). Penguasaan terhadap asas bahasa Arab ini perlu dimulakan dengan mengenali huruf-huruf *Hijaiyah*. Usia prasekolah merupakan usia efektif untuk mengembangkan potensi murid dengan memperkenalkan huruf-huruf *Hijaiyah* dengan media yang tepat kerana pada tahap ini murid sangat peka terhadap benda wujud yang berwarna (Mursanib & Alam, 2016)

Kanak-kanak biasanya akan terpengaruh dengan lingkungan tempat tinggal (Zalina et. al 2016). Ketika usia ini mereka banyak yang belajar mengaji sama ada di rumah guru tempat kediaman, bersama ibu bapa dan di sekolah (Darwish, 2019). Pada peringkat umur kanak-kanak, mereka memerlukan sokongan dan dorongan orang dewasa dalam mendidik. Ibu bapa dan guru yang menjadi tunjang terhadap pembelajaran al-Quran anak-anak. Akan tetapi ada kanak-kanak yang tidak mahu belajar al-Quran dengan pelbagai alasan. Zeckry (2016) menyatakan mereka malas belajar al-Quran kerana faktor hiburan dan teknologi maklumat.

Perkembangan teknologi dan maklumat dan alat komunikasi banyak mempengaruhi mereka menyebabkan kanak-kanak ini lalai dari membaca al-Quran (Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016). Menurutnya lagi kepelbagaian teknik dan kaedah yang menarik perlu dilaksanakan oleh guru bagi menarik perhatian murid. Ada di antara anak-kanak ini lari dari belajar al-Quran kerana bosan dengan guru. Kenyataan ini disokong oleh Kaedah pengajaran yang menarik oleh guru akan meningkatkan keseronokan dan daya minat yang tinggi (Darwish, 2019). Menurutnya lagi kaedah pujian salah satu kaedah yang dapat meningkatkan motivasi kanak-kanak dalam belajar al-Quran.

Teknik pujian digunakan bertujuan untuk mengubah tingkah laku negatif kepada peningkatan positif (Zalina et. al 2016). Penulis menyatakan, realitinya kaedah ini dapat memotivasi murid bertingkah laku yang diingini dengan mengurangkan atau menghentikan tingkah laku negatif secara terus. Pujuan meningkatkan kawalan murid di dalam kelas di samping dapat meningkatkan mutu prestasi akademik murid (Darwish, 2019).

Oleh itu dalam kajian ini, penulis ingin membincangkan satu kaedah iaitu kaedah pujian dalam pembelajaran al-Quran yang mana pengajaran tidak tertumpu kepada bahan yang disediakan semata-mata namun melihat juga kaedah penyampaian yang digunakan oleh guru bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik (Noornajihan, 2017).

Kaedah yang dibincangkan ini bertujuan agar satu kaedah atau metodologi pengajaran al-Quran yang berasaskan kepada pujian dan penghargaan mencapai matlamatnya.

## **KONSEP PUJIAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pujian bermaksud kata-kata untuk memuji. Pujian merupakan kenyataan atau meluahkan sesuatu yang positif tentang seseorang, dengan tulus dan sejujurnya. Kata-kata pujian akan membuat orang yang mendengarnya merasa disanjung, sehingga dapat juga memberikan motivasi kepada orang yang di pujinya (Nurul Azwa, 2020). Pujian diguna untuk menunjukkan seseorang itu benar-benar menyukai apa yang di katakan, di lakukan, atau dicapai oleh seseorang. Pujian membuat orang menjadi lebih baik (Zulkifli al-Bakri, 2018).

Kemampuan memuji adalah kemampuan yang sangat berguna untuk dikuasai. Orang yang sering dipuji cepat atau lambat akan belajar untuk memuji orang lain. Menurut Zulkifli (2018) juga pujian seseorang kepada kita bukanlah menjadikan diri kita lupa sebagai satu kurniaan Allah dan sentiasa mensyukuri di samping menjarakkan daripada sebarang riak serta ujub. Menurut Pradja (1978) ganjaran pula adalah hadiah, pembayaran balik perkhidmatan, alat pendidikan yang diberikan kepada pelajar yang telah mencapai pencapaian yang baik. Sementara itu, menurut Purwanto (2006) ganjaran adalah alat untuk mendidik anak-anak supaya anak-anak dapat merasa bahagia dan tindakan atau pekerjaan mereka dihargai.

Kaedah penghargaan dalam pendidikan merupakan antara kaedah yang terawal dalam pendidikan yang diasaskan oleh Burrhus Fredric Skinner (1904) seorang ahli psikologi terkemuka dari Harvard University. Kaedah ganjaran dan pujian Skinner juga mempercayai bahawa sesuatu tingkah laku itu dipengaruhi oleh faktor peneguhan sama ada ganjaran atau dendaan. Dengan adanya pujian yang menarik, maka tingkah laku positif dapat dikekalkan oleh seseorang manakala tingkah laku yang negatif murid-murid akan diubah. Menurut Skinner lagi, pelaziman operan terdiri daripada empat konsep utama iaitu, peneguhan, denda, prinsip premack dan pelupusan. Tingkah laku pada peringkat awalnya merupakan konsekuensi (akibat) perbuatan itu sendiri dan apabila ada penghargaan ianya akan memberi impak yang positif dan murid akan cenderung untuk mengulangi tingkah laku itu. Menurut Pradja (1978) menyatakan penghargaan adalah hadiah sebagai meraikan anak-anak yang mencapai prestasi yang baik dalam pelajaran. Manakala menurut Purwanto (2016) penghargaan merupakan suatu peneguhan yang bagus sebagai medium untuk mendidik kanak-kanak supaya mereka merasakan perbuatannya dihargai.

Peneguhan positif juga memberikan sesuatu ganjaran atau pujian setelah perlakuan itu ditunjukkan yang menyebabkan perlakuan itu diulangi atau diperkuatkan lagi. Kenyataan ini dikuatkan lagi oleh Rahil Mahyuddin (2002) yang menyatakan peneguhan positif akan meningkat bilamana berlaku sesuatu bentuk tingkah laku dengan adanya rangsangan tertentu. Sesuatu peneguhan itu boleh merupa benda (hadiah), sosial (seperti pujian) atau *token* (seperti markah ujian). Rangsangan seperti pujian yang boleh menambahkan kebarangkalian sesuatu tingkah laku itu akan disifatkan sebagai peneguhan positif (B. F. Skinner, 1958).

## **KEPENTINGAN PUJIAN DALAM PEMBELAJARAN**

Pujian berperanan sebagai satu bentuk motivasi kepada pelajar dan mendorong mereka untuk sentiasa melakukan tingkah laku yang baik (Azis 2019). Menurut Azis lagi pujian boleh meningkatkan tahap motivasi akademik pelajar. Perkara yang paling penting dalam proses pembelajaran adalah motivasi. Sekiranya pelajar tidak bermotivasi, tidak kira seberapa baik guru mengajar, mereka tidak semestinya akan mencapai hasil yang diinginkan (Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016). Pengukuhan aktif adalah cara untuk menolong pelajar mengekalkan motivasi belajar. Salah satu jenis peneguhan positif adalah penghargaan, yang merupakan ganjaran yang paling biasa digunakan untuk guru sekolah. Sesungguhnya, ganjaran adalah motivasi terbesar dalam kehidupan sesiapa sahaja terutama kanak-kanak.

Kanak-kanak yang diberi pujian dan ganjaran akan sentiasa terdorong untuk terus berjaya atau berjuang untuk Berjaya (Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016). Di samping itu menurutnya lagi, kesan ini juga dapat dilihat pada rakan sekelas mereka yang lain. Rakan-rakan mereka juga akan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan ganjaran yang diberikan. Peranan guru pula adalah sebagai fasilitator yang mana mesti kreatif dalam memberikan penghargaan kepada murid. Apabila murid melakukan perbuatan baik atau menyelesaikan kerja rumah, guru juga dapat memujinya. Untuk jenis ganjaran ini, tumpuan harus diberikan kepada apa yang pelajar lakukan. Pujian boleh dilakukan sendiri, lebih baik di depan umum, atau di hadapan rakan-rakan lain.

Pujian juga dapat meningkatkan estim kendiri atau daya keyakinan murid. Menurut Irsamudin (2012), apabila guru memberikan kata-kata semangat dan pujian, secara tidak langsung ia memberikan satu aura yang positif dalam diri murid. Menurutnya lagi, secara tidak langsung murid akan memberikan respon dan tindak balas yang baik seterusnya mewujudkan suasana kelas dua hala (*student oriented*) ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini disokong oleh Yuliani (2018) menurut teori pembelajaran John Dewey (1974) seorang tokoh barat dan pengasas kepada teori *progresivisme* mengatakan sekolah yang baik adalah sekolah yang memperhatikan dengan bersungguh-sungguh semua jenis bahan pelajaran dan bantuan orang dewasa (guru) terhadap perkembangan pelajar.

Pujian yang berkesan juga dapat membantu murid yang lemah dalam pembelajaran (Yuliani 2018). Kenyataan ini disokong oleh Zalina et. al (2016) mengatakan, seorang guru boleh menggunakan pujian untuk mengakui usaha, perbuatan atau latihan yang dilakukan oleh murid yang lemah (*slow learner*) ini dalam menyelesaikan masalah. Menurutnya lagi, pujian tersebut seharusnya dilakukan dengan secepat mungkin apabila guru melihat murid yang lemah itu melakukan apa sahaja usaha. Setelah memberi pujian, guru harus mendorong dan membantu murid sama-sama menyelesaikan masalah. Perkara ini akan membuatkan murid lemah ini rasa disokong dan kerjanya dihargai.

## **KAEDAH PUJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Menurut pandangan Islam, banyak pembelajaran dijelaskan melalui saranan di dalam Al-Quran, supaya manusia melakukan pemerhatian dan penelitian terhadap penciptaan langit, bumi, pertukaran siang dan malam serta kejadian-kejadian lain (Zalina 2016). Dengan menggunakan akal fikiran secara kritis dan rasional ini untuk memastikan sesuatu kebenaran

(Khairuddin et al 2012). Menurutnya lagi, Al-Quran berperanan memberikan dorongan dan contoh yang terbaik melibatkan pendekatan dan kaedah yang sesuai bersesuaian dengan fitrah manusia tang suka kepada ganjaran dan keseronokan. Manakala perasaan takut akan hadir jika melakukan kesalahan. Syarifah (2017) dalam kajiannya menyatakan dengan memberi ganjaran dan pujian dalam pembelajaran al-Quran termasuk di dalam uslub *targhib* iaitu pendekatan secara memberi galakan dan pujian secara positif. Menurutnya lagi teori ini dapat memberikan motivasi amalan pujian dan ganjaran sebagai pengukuhan adalah salah satu masalah yang sering dikaitkan dengan proses pembelajaran al-Quran. Peneguhan dalam proses pembelajaran melalui pendekatan psikologi yang dianjurkan Islam berkait dengan ajaran agama itu sendiri sebagai salah satu faktor mendorong pelajar untuk lebih mendekati al-Quran (Anuar, 2018).

Allah telah menerangkan banyak peristiwa di dalam Al-Quran yang merangkumi ganjaran dan hukuman, pujukan dan peringatan, serta dorongan dan ancaman. Istilah *targhib* dan *tarhib* ini sesuai kepada manusia supaya selalu takut dan mengingati arahan dan peringatan yang telah Allah tetapkan (Mohd Yusoff 2016). Istilah yang digunakan amat bersesuaian dengan manusia yang sentiasa melakukan kesilapan terhadap ganjaran dan ancaman, syurga dan neraka, dosa dan pahala dari Allah. Ianya adalah sebagai motivasi kepada manusia agar terus melakukan kebijakan dan kebaikan, dan tidak melakukan kemungkaran di atas muka bumi (Anuar, 2018). Secara fitrah, setiap manusia suka kepada ganjaran dan pujian lebih-lebih lagi golongan kanak-kanak. Mereka akan bermotivasi untuk mengekalkan atau meningkatkan kecemerlangan dan kejayaan dalam pelajaran setelah menerima ganjaran, dan akan berusaha mengurangkan kesalahan untuk mengelakkan dari menerima hukuman (Zalina 2016).

## **KAEDAH PUJIAN DALAM PEMBELAJARAN AL-QURAN**

Pendekatan pujian merupakan suatu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada seseorang untuk melakukan dan mencintai kebaikan dan rayuan untuk melakukan amal soleh sehingga mereka melakukan sesuatu dengan ikhlas dengan harapan memperoleh imbalan atau pahala daripada Allah swt (Anuar, 2018). Menurutnya Anuar lagi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran al-Quran kanak-kanak, kajiannya mendapati kanak-kanak yang sering diberi motivasi berbentuk imbalan pahala yang besar daripada Allah swt, pujian, gerak badan yang positif daripada guru dan ganjaran berbentuk material didapati berjaya meningkatkan pencapaian mereka dalam membaca dan belajar al-Quran.

Ganjaran boleh dikaitkan dengan motivasi secara verbal. Menurut Khairudin Bajuri et. al (2014) dalam kelas pembelajaran hafazan al-Quran menyatakan pelajar akan dapat pujian dari guru apabila dapat membaca al-Quran dengan baik, manakala pelajar yang tidak dapat membaca dengan baik akan berusaha memperbaiki dan memperbetulkan bacaan dan hafazan dengan tujuan untuk mendapatkan pujian juga. Kenyataan ini turut disokong juga oleh Zaki Ahmad (2017) terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Arab akan meningkat kemahiran mereka apabila mendapat pujian dari guru. Walaupun pembelajaran al-Quran dan bahasa Arab Nampak berbeza tetapi ianya ada berkait rapat kerana kedua-duanya diturunkan dalam bahasa Arab. Pendekatan ini sesuai digunakan oleh kanak-kanak kerana secara fitrahnya mereka lebih cenderung kepada pujian dan pembelajaran al-Quran akan menjadi lebih seronok (Zalina 2016). Pendekatan pujian, rangsangan dan motivasi kepada kanak-kanak dalam pendidikan al-Quran adalah suatu pendekatan dalam dakwah yang mempunyai impak yang sangat besar khususnya

dalam proses melahirkan generasi *rabbaniy* dan *qur'aniy* ( Johaibi Juhan & Zainab Ismail 2016). Memberi tepukan selepas pelajar membaca dengan betul juga merupakan tindakan pujian yang secara tidak langsung memberi semangat dan galakan kepada pelajar (Darwish, 2019). Beberapa kaedah dalam pembelajaran al-Quran kepada kanak-kanak boleh diaplikasikan seperti memberi kata-kata pujian yang baik, ganjaran hadiah dan pengiktirafan dari pihak sekolah.

### **Memberi Kata-kata yang Baik**

Menurut al-Ghazali, ketika kanak-kanak melakukan perkara yang terpuji, guru perlu memberikan kata-kata pujian, sanjungan dan ganjaran sehingga mereka akan rasa dihargai (Irsamudin 2012). Ungkapan seperti “Bagus”, “kamu hebat”, “good job”, “awak pandai” dan lain-lain lagi merupakan satu kenyataan yang akan memberikan keyakinan kepada murid. Ianya juga mendorong murid-murid yang lain berlumba-lumba dalam pembacaan supaya diri mereka juga akan dipuji oleh guru. Apabila seseorang pelajar dapat membaca dengan baik dan mendapat pujian daripada guru, pelajar lain yang tidak mendapat pujian akan berusaha bersungguh-sungguh menghafal dengan tujuan mendapat pujian juga. Dapatkan kajian ini dikuatkan dengan hasil dapatan oleh Mohd Zaki Ahmad (2017) yang menyatakan bahawa kata-kata yang baik akan meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari al-Quran. Pujian ini secara tidak langsung akan membuat mereka merasa dihargai. Kesan pujian ini sangat berpengaruh dalam proses pembelajaran. Sebenarnya, jika pelajar yang dulu malas belajar al-Quran diberikan pujian, seperti “tidak sangka awak pelajar yang bijak, cikgu suka orang yang suka belajar”, “Wah, hebat, anda boleh menjadi contoh bagi kawan-kawan” Bagi pelajar, ayat ini mungkin kelihatan mudah, tetapi sebenarnya akan mempengaruhi mereka dan rakan-rakan.

### **Ganjaran Jadiyah**

Ganjaran dari segi kebendaan seperti hadiah dan duit juga salah satu bentuk pendorong dalam pengajaran al-Quran (Mohd Zaki Ahmad 2017). Ianya bertujuan menggalakkan kanak-kanak untuk lebih mendekati pembelajaran. Secara fitrahnya kanak-kanak suka apabila mendapat hadiah. Hal ini disebutkan oleh Khairudin Bajuri et. al (2014) pelajar akan lebih bersemangat dan berlumba-lumba *tasmik* al-Quran apabila mendapat hadiah dari guru. Walaupun terdapat pendapat mengatakan bahawa pemberian insentif akan membuatkan para pelajar tidak ikhlas dalam pembelajaran al-Quran, namun sebenarnya ia merupakan perkara dalaman yang boleh berubah daripada semasa ke semasa. Mungkin ianya akan berubah kepada perkara yang lebih positif berasaskan kemahuan untuk meningkatkan kendiri. Dapatkan ini juga disokong oleh hasil kajian Roslan dan Abdullah (2011) yang mendapati terdapat keberkesanan ganjaran positif berbentuk *token* ekonomi dalam memanipulasi kehadiran atau penglibatan murid dalam kelas pendidikan jasmani. Ini sebagai bukti jelas bahawa ganjaran berperanan dalam memanipulasikan penglibatan pelajar dalam sebarang aktiviti di dalam kelas.

## **Ganjaran Berbentuk Pengiktirafan**

Ganjaran seterusnya ialah berbentuk pengiktirafan daripada pihak sekolah. Pengiktirafan juga boleh berbentuk seperti melantik dari kalangan murid sebagai *naqib* di dalam kumpulan bertujuan untuk memimpin bacaan secara beramai-ramai. Ini juga merupakan salah satu cara yang sesuai dengan personaliti dan ciri-ciri murid pra sekolah yang ingin dipercayai. Mereka sentiasa merasakan guru memberi perhatian kepada mereka. Sifat kepimpinan ini dapat memberikan satu pengalaman yang menyeronokkan murid dan menghasilkan pembelajaran yang berkesan (Mohd Zaki Ahmad 2017). Pihak sekolah juga boleh memberikan sijil sebagai bentuk pengiktirafan kepada murid. Kenyataan ini turut di sokong oleh Noraini (2017) yang menyatakan Sijil juga merupakan bentuk penegasan positif dan telah digunakan secara meluas sejak zaman dahulu lagi. Anugerah ini bukan sahaja akan diiktiraf oleh murid tetapi juga oleh ibu bapa murid, kerana sijil ini dapat membuktikan bahawa murid tersebut telah menerima pengiktirafan tersebut. Sijil dapat disimpan dalam jangka masa yang lama, dan setiap kali melihat sijil itu, ia akan meningkatkan semangat murid dan sebagai bukti kukuh pencapaian mereka.

## **CADANGAN DAN PERBINCANGAN**

Kaedah pujian dan ganjaran dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak pra sekolah merupakan suatu isu yang perlu diperbincangkan. Pada peringkat ini mereka perlu dilentur dengan baik terutamanya dalam pembelajaran al-Quran. Jika tersilap langkah, mereka akan cepat bosan dan tidak mahu belajar al-Quran. Maka kaedah pujian dan ganjaran ini sebagai satu bentuk rangsangan mampu untuk memberikan motivasi dan mengukuhkan sesuatu perilaku kanak-kanak sekiranya ia istiqamah dilakukan Ahli psikologi seperti Thorndike dan Skinner telah mengetengahkan teori pembelajaran berkaitan penggunaan pujian, ganjaran atau peneguhan sebagai rujukan utama yang diguna pakai dalam pendidikan di Malaysia kini (Mohd Zaki Ahmad 2017).

Maka dalam kajian ini penulis berpendapat, beberapa kaedah dalam pembelajaran al-Quran kepada kanak-kanak boleh diaplikasikan seperti memberi kata-kata pujian yang baik, ganjaran hadiah dan pengiktirafan dari pihak sekolah. Pendekatan ini bagi memastikan murid sentiasa minat, mencintai dan bersemangat dalam belajar al-Quran. Guru sebagai fasilitator perlu kreatif dalam mengolah pembelajaran supaya nampak lebih menarik dan interaktif. Seperti pepatah melayu “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*” yang membawa maksud mendidik anak biarlah dari kecil kerana apabila sudah dewasa mereka akan susah untuk dididik. Begitulah dalam pembelajaran al-Quran jika anak-anak ini tidak mahir dan malas sejak dari usia kecil, pasti mereka akan ketinggalan apabila dewasa kelak.

## **KESIMPULAN**

Dari hasil penulisan dapat difahami bahawa pujian dan penghargaan merupakan suatu perkara yang penting dalam bidang pendidikan terutama pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak. Kajian juga menunjukkan pujian dan penghargaan mempunyai hubung kait dengan sikap dan perkembangan kanak-kanak yang mampu memberikan motivasi dalam

meningkatkan kefahaman mereka dalam sesuatu bidang. Kanak-kanak memerlukan motivasi untuk meningkatkan mutu pembelajaran al-Qurannya. Sebagai seorang guru pula seharusnya pandai mengolah dan mengawal pembelajaran supaya dapat memberikan kefahaman di dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini penting untuk diterapkan pada kanak-kanak supaya mereka semakin bermotivasi dalam meningkatkan mutu pembelajaran al-Quran. Hasilnya, kesilapan dapat dikurangkan dan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Kaedah pujian dan penghargaan ini juga telah banyak disebutkan di dalam al-Quran dan sunnah yang boleh dijadikan sebagai contoh ikutan teladan kepada semua sama ada di luar atau di dalam kelas. Kesepaduan ini diharap dapat meningkatkan mutu dan kualiti pembelajaran al-Quran bagi melahirkan generasi yang hebat dan celik al-Quran seterusnya mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

## **RUJUKAN**

- Abdull Sukor Shaari, Mohd Izam Ghazali, Nurahimah Mohd Yusof, Mohd Isha Awang. 2016. Amalan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Dan Masalah Yang Dihadapi Guru-guru Pelatih Program Pensiswazahan Guru Untuk Mengamalkan Pedagogi Berpusatkan Pelajar Semasa Praktikum. *Proceeding of Icecrs*, 1(3): 599-608
- Budaiwi, a. A., 2002. Imbalan dan hukuman pengaruhnya bagi pendidikan anak. Jakarta: Gema Insani Press.
- Darwish. 2009. Kaedah Mengajar Anak Membaca al Quran Sebelum Umur 3 Tahun. Dimuat turun daripada [Http://Darwishndarwisyablogspot.Com/2009/06/Kaedah-Didikan-Imam-Shafie.Html](http://Darwishndarwisyablogspot.com/2009/06/Kaedah-Didikan-Imam-Shafie.html) [6 Jun 2009]
- Hafiz Badarulzaman. 2017. Al-Quran Mukjizat Agung Tiada Tandingan. Dimuat turun daripada [Https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/61/2017/06/294187/Al-Quran-Mukjizat-Agung-Tiada-Tandingan](https://Www.Bharian.Com.My/Taxonomy/Term/61/2017/06/294187/Al-Quran-Mukjizat-Agung-Tiada-Tandingan) [23 April 2017]
- Johaibi Juhani, Zainab Ismail. 2016. Pendekatan Al-Targhib Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran Kanak-Kanak. *Kolokium Antarabangsa Siswazah Penajian Islam (KASPI) 2016*. 1(1): 233-248
- Muhammad Soulhiey Zeckry. 2016. *Pandangan Dalam Isu Dan Permasalahan Pembelajaran Al-Quran Pada Masa Kini, Faktor-Faktor Kelemahan Dan Cara Mengatasinya*. Dimuat turun daripada [Http://Zeckry.Net/2016/12/04/Pandangan-Dalam-Isu-Dan-Permasalahan-Pembelajaran-Al-Quran-Pada-Masa-Kini-Faktor-Faktor-Kelemahan-Dan-Cara-Mengatasinya-1/](http://Zeckry.Net/2016/12/04/Pandangan-Dalam-Isu-Dan-Permasalahan-Pembelajaran-Al-Quran-Pada-Masa-Kini-Faktor-Faktor-Kelemahan-Dan-Cara-Mengatasinya-1/) [4 Disember 2016]
- Mohd Yusoff, M.Y.Z, Bani, S.N., 2016. Amalan Pengajaran Kurikulum Al-Azhar. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2016)*. hlm. 729-736.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohd. Saat, Y. Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Islamuddin, haryu. 2012. *Psikologi pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Naemah Abdul Rahman, Dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2012. Konsep Ganjaran Dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya Di sebuah Sekolah Menengah Agama Di Terengganu. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*. 2 (1): 266-276

- Noornajihan. 2017. Keadah Pembelajaran Al-Quran Melalui Teknik Al-Baghdadi. *Proceedings Of The 2nd Annual Conference On Islamic Early Childhood Education.* 2(1-8): 2548-4516.
- Ngu Mee Kok. 2012. Meningkatkan Keberkesanan Kawalan Kelas Menggunakan Kaedah Ganjaran Dan Hukuman Untuk Murid-Murid Tahun 3. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012.* hlm.132-146
- Purwanto (2016). *Psikologi Pendidikan.* Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Rahil Mahyuddin. 2002. *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan.* Shah Alam: Karisma Publications
- Skinner, B.F. 1958. *Teaching Machines.* New York: Appleton Century Crofts.
- Yuliani. 2018. Konsep Pendidikan Islam dan Barat - Analisis Komparatif Pemikiran Imam Az-Zarnuji dan John Dewey. *Rausyan Fikr,*14(2): 1979-0074
- Zalina Katmana, Mohd Hanafi Mohd Yasinb, Mohd Mokhtar Taharc. 2016. Penggunaan Peneguhan Positif: Pujian Dan Token Ekonomi Untuk Modifikasi Tingkahlaku Murid Pendidikan Khas ‘Slow Learner’. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL.* hlm.132-146
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2018. Pujian Orang Ramai Atas Amalan Kebaikan Yang Dilakukan. Dimuat turun daripada <Https://Muftiwp.Gov.My/Artikel/Al-Kafi-Li-Al-Fatawi/4191-Al-Kafi-1610-Pujian-Orang-Ramai-Atas-Amalan-Kebaikan-Yang-Dilakukan> [15 Febuari 2020]